


# Luar Biasa

Sebenarnya terlalu banyak pelajaran yang terkandung di dalam riwayat “*Isrā’ dan Mi’rāj*”. Dari pelajarannya yang banyak itu dapat kita mengambil mana yang dapat digunakan sebagai pedoman untuk perjuangan kita mempertahankan dan menyiarkan agama Allah, dan meninggikan darjat bangsa kita dan kesejahteraan negara kita.

Menurut sejarah, bahawa setahun sebelum Nabī

*Isrā’ dan Mi’rāj*, berlakulah suatu peristiwa yang



*Masjid al-Jāwalī salah sebuah masjid di antara berpuluh-puluh*

*Masjid Bandar Kaherah yang indah dan menarik. Didirikan*

*pada tahun 703 Hijriyyah.*

sangat menyedihkan, sehingga tahun itu dinamakan

“*Ām al-Huzn*” (Tahun Dukacita). Sebab isterinya

yang amat dikasihi - *Sītī Khadījah raḍiya Allāhu ‘anhā*,

telah reda dan ikhlas meletakkan dirinya dan harta bendanya

untuk perjuangan suci menegakkan agama Allah dan

menyelamatkan manusia dari perhambaan, dari kesesatan

dan perbuatan syirik – telah wafat dan meninggalkan

suami yang sentiasa berharap sokongan semangat dan

bantuannya. Dua bulan sesudah wafat *Sītī Khadījah*,

wafat pula *Abū Ṭālib*, mamanda Nabī yang telah membela dan

memberi sebesar-besar bantuan kepada Nabī. *Abū Ṭālib* kerana

bantuannya yang ikhlas telah terpaksa menderita dari ancaman

kaum Jahiliah.

Sehabis “Tahun Dukacita” itu baharulah

terjadi *Isrā’ dan Mi’rāj*. Maka di dalam perjalanannya

itu, Junjungan kita Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihii*

*wa sallam*, telah mendapat makanan roh yang menambahkan semangatnya

dan memperteguh keyakinannya, kerana baginda telah

dipertunjukkan kepadanya segala kekuasaan Allah dalam

alam yang luas dan tinggi, sebagai bekalan untuk

meghadapi umatnya yang terdiri dari segala bangsa dan

tingkatan.

Berita ganjil sekitar “*Isrā’* dan *Mi’rāj*”

disampaikan oleh Nabī adalah menjadi penguji iman dan keyakinan pengikut-pengikutnya, sampai mana mereka kuat tahan dalam keyakinan mereka, dan hingga mana mereka dapat ditipu dengan kebendaan yang nyata, yang kerap kali menggelincirkan iman seseorang, kerana lupa kepada kekuatan ghaib dari Tuhan.

Dengan berita ganjil itu akan ketara Mukmin yang pura-pura, dan akan ternyata pula bahawa orang Mukmin yang sejati tidak akan bergegar imannya menghadapi percubaan yang lebih ganjil lagi, seperti iman waja Saydinā Abū Bakr *raḍīya Allāhu ‘anhu*, yang kerananya ia telah digelar “*al-Ṣiddīq*” (yang benar dan membenarkan).

#### **Pelajaran Bagi Umat Islam**

Ada lagi pelajaran yang kita dapati, iaitu walau pun berita-berita yang Nabī sampaikan kepada kaumnya itu ganjil

dan luar biasa, tetapi Nabī membuktikan, sehingga tidak dapat didustakan kebenarannya. Hal ini hendaknya menjadi pelajaran bagi kita kaum Muslimin, dalam masa menyampaikan dan menyebarkan ajaran-ajaran Islam kepada manusia, hendaklah sanggup memberikan bukti kenyataan tentang kebenaran agama Islam yang kita akui kebenarannya. Kerana walaupun barang itu benar, tetapi pembawanya tidak sanggup membuktikan dengan kenyataan, nescaya sedikit benar harapan akan diterima orang, bahkan apa yang dibawa olehnya, boleh disifatkan tidak benar.

Selain daripada itu, kita dapat pelajaran daripadanya, iaitu kita hendaklah sanggup menghadapi segala macam halangan dan rintangan yang bekerja untuk merosakkan kebenaran itu. Dengan adanya kesanggupan itu, baharulah kebenaran dapat ditegakkan.

Sebagaimana di antara pendengar-pendengar kisah *Isrā’* yang Nabī sampaikan, ada yang telah murtad (kembali kepada kufur, atau

### ***Subhāna al-ladhī asrā bi ‘abdihi laylān min al-Masjidi al-Ḥarāmi ilā al-Masjidi al-Aqṣā***



***Masjid al-Ḥarām - Makkah al-Mukarramah.***

***Dari Tanah Suci inilah***

***Junjungan kita Nabī Muḥammad (S.A.W.)***

***telah Isrā’” (berjalan pada malam***

***hari) ke Baitul Maqdis dan***

***dari sana baginda Mi’rāj***

***(meningkat naik) ke langit, kemudian***

***kembali semula pada malam itu***

***ke Tanah Suci Makkah al-Mukarramah -***

***tanah air Islam dan tempat letaknya***

***kiblat umat Islam.***

berpaling tadah daripada Islam), tetapi Nabī tidak berkecil hati, tidak kkuatir akan kekurangan pengikut, maka demikian juga hendaknya kita, tak usah berkecil hati, kalau terjadi di antara orang-orang yang seperjuangan dengan kita banyak yang berpaling tadah, sebab dalam *al-Qur'ān al-Karīm* Tuhan berjanji, kalau ada orang-orang yang berpaling tadah dari agama-Nya, nescaya Tuhan akan gantikan dengan orang-orang yang lebih baik dan lebih setia daripada mereka yang telah berpaling tadah itu.

Di dalam pelajaran *Isrā'* dan *Mi'rāj* banyak terdapat pelajaran-pelajaran yang diperlihatkan kepada Junjungan kita Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam*, dengan cara tamsil dan ibarat. Cara-cara yang demikian itu, kerap kali lebih memberi bekas dan meresap di dalam jiwa, serta tidak melukai perasan orang-orang yang tersinggung. Inilah namanya

“ Akan engkau maki-maki lagi Muḥammad?  
Aku telah beragama dengan agama Muḥammad dan akan aku ucapkan apa yang diucapkan Muḥammad. Kalau engkau berani cuba balas pukulanku” – Ini ialah perkataan Ḥamzah ibn 'Abdul Muṭalib ketika memukul Abū Jahl.

#### **Ḥamzah**

Pahlawan Islam yang gagah, ayah saudara Nabī! Sejarahnya ini disebut di dalam buku Syuhada Islam 1 dengan nama:

#### **Singa Allah**

#### **Ḥamzah ibn 'Abdul Muṭalib**

Ceritanya bersemangat dan membawa semangat. Lihat sejarah keberaniannya. Senaskah hanya 50 sen *post* 10 sen.

cara yang bijaksana untuk menyampaikan dan menerangkan sesuatu hal kepada manusia. Dengan kebijaksanaan ini, hendaknya kita menyampaikan berita yang menghiburkan dan juga yang mengerikan, supaya termakan betul di dalam jiwa dan meresap dengan kukuhnya.

Akhir sekali, seyogianya kita ingat benar, bahawa kekuatan jiwa junjungan kita Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam*, dalam menghadapi segala macam rintangan dan halangan, ialah kerana keteguhan iman dan keyakinan yang kuat, iaitu kebenaran yang dibawanya itu akan mendapat kemenangan, dan perkara-perkara yang tidak benar yang menghalanginya akan hancur dan binasa. Keteguhan keyakinan itu, ialah bergantung rapat dengan kepercayaan kepada kekuasaan ghaib, atau kudrat Allah *'azza wa jalla*.

Dengan segala pelajaran yang sudah didengar itu, hendaknya dijadikan pedoman, supaya iman kita tetap teguh dan kuat, tidak mudah berubah kerana kesenangan yang kita dapati, tidak pula rosak kerana kerana kesusahan dan halangan yang menimpa diri kita, terutama menghadapi hal-hal yang dirasa aneh dan ganjil, kerana terjadinya dengan tidak disangka-sangka. Dengan demikian, baharulah perayaan dan bacaan kisah "*Isrā'* dan *Mi'rāj*" dapat menjadi alat atau perantaraan untuk tujuan "*tajdid al-īmān*" yakni "membaharui kepercayaan" sehingga iman yang dihinggapi kekotoran dapat dibersihkan dan iman yang telah hilang oleh pengaruh kebendaan dan kesenangan, dapat diperhidupkan kembali.

Dengan ini juga, tidaklah kita hidup dengan jiwa separuh iman, tetapi dengan iman dan yakin sepenuhnya.

Moga-moga demikianlah hendaknya.